

Jangkaan pelaburan menjelang 2020 oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat

Industri rel cecah RM160 bilion

Oleh THOMAS CHONG
pengarang@utusan.com.my

PUTRAJAYA 20 Jun - Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) menjangkakan pelaburan masa depan dalam projek-projek pengangkutan kereta api mencecah RM160 bilion menjelang 2020.

Pada masa yang sama, Pengerusi SPAD, Tan Sri Syed Hamid Albar berkata, pihaknya melantik perunding untuk meneliti kesesuaian melaksanakan dua projek penting iaitu sistem transit pantas (RTS) dan kereta api laju (HSR).

“Kerajaan telah mengenal pasti keperluan untuk mengkaji kesesuaian pembinaan HSR, kajian yang dilakukan meliputi faktor kewangan dan teknikal.

“Hasil kajian mengenainya dijangka siap menjelang akhir tahun ini, ia antaranya melihat sama ada pelaburan HSR adalah berbaloi serta sama ada ia akan mempunyai jumlah penumpang yang tinggi,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan sesi taklimat mengenai rangka pembangunan industri rel negara anjuran Kumpulan Industri Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (MIGHT) di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Syed Hamid berkata, walaupun projek-projek rel pada masa ini lebih bertumpu kepada Kuala Lumpur dan Lembah Klang tetapi matlamat akhir kerajaan adalah memperluaskan kemudahan itu ke seluruh negara.

INFO

KAJIAN LALUAN REL YANG DILAKUKAN SPAD

- Penyambungan KL Monorel dari Tun Sambanthan ke Happy Garden di Jalan Klang Lama (7 kilometer)
- Penyambungan laluan LRT dari Kelana Jaya ke Klang (23 kilometer)
- MRT2 dari Sentul Timur ke Ampang (36 kilometer)
- MRT3 dari Selayang ke Putrajaya (58 kilometer)
- Laluan KTMB dari Subang ke Pelabuhan Klang (18 kilometer)

“Dalam kajian mengenai HSR umpamanya, projek ini jika dilaksanakan harus menjadi pemangkin kepada industri rel di sepanjang laluan berkenaan,” katanya.

Tambahnya, kerajaan sejak 1990-an melabur lebih RM50 bilion dalam pengangkutan rel yang menyediakan peluang pekerjaan kepada 9,500 orang.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif SPAD, Mohd. Nur Kamal berkata, industri rel tempatan pada masa ini masih bergantung kepada



SYED Hamid Albar (tengah) berbincang sesuatu dengan Mohd. Nur Kamal (kiri) dan para pegawai kanan SPAD selepas sesi taklimat mengenai rangka pembangunan industri rel negara di Putrajaya, semalam.

teknologi asing dan keadaan tersebut boleh membawa kesan negatif.

“Sesetengah pembekal alat ganti Keretapi Tanah Melayu umpama-

nya telah bertukar ke perniagaan lain dan keadaan ini menjejaskan operasi rel sekiranya alat berkenaan tidak boleh diperolehi.

“Kalau kita mahu melabur

RM160 bilion pada masa depan, maka kita perlu memastikan ia membawa pulangan yang baik serta dapat membina keupayaan industri tempatan,” katanya.